



## **GARIS PANDUAN KEPADA PELAJAR SEMASA BERADA DI KOLEJ KEDIAMAN SEPANJANG TEMPOH PASCA KAWALAN PERGERAKAN**

### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Garis Panduan ini bertujuan untuk mengawal pergerakan semasa berada di Kolej Kediaman UTeM.
- 1.2 Garis panduan ini terpakai kepada semua pelajar yang mendiami Kolej Kediaman UTeM.
- 1.3 Garis panduan ini berkuatkuasa sepanjang tempoh Pasca Kawalan Pergerakan.

### **2.0 PERATURAN UMUM**

- 2.1 Pelajar hendaklah mengamalkan kawalan sendiri dengan mematuhi norma baharu iaitu memakai *face mask*, menggunakan *hand sanitizer* serta mengamalkan penjarakan fizikal sepanjang masa semasa berada di kawasan Kolej Kediaman.
- 2.2 Pelajar hendaklah mematuhi SOP yang berkuatkuasa.
- 2.3 Tindakan boleh diambil sekiranya gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan.

### **3.0 TATACARA SEMASA BERADA DI BILIK PENGINAPAN PELAJAR**

- 3.1 Pelajar adalah dilarang berada di dalam bilik selain yang didaftarkan.
- 3.2 Kapasiti setiap bilik adalah dua (2) orang. Pelajar dilarang berkumpul di dalam bilik melebihi dua (2) orang pada satu-satu masa.

- 3.3 Pelajar dilarang berkongsi atau menggunakan barangan peribadi dengan rakan sebilik/penghuni lain.
- 3.4 Pelajar hendaklah memastikan pengudaraan yang baik di dalam bilik penginapan mereka.
- 3.5 Pelajar yang tidak sihat perlu segera mendapatkan rawatan di PKU.

#### **4.0 TATACARA BERURUSAN DI PEJABAT KOLEJ KEDIAMAN**

- 4.1 Pelajar dibenarkan berurusan di Pejabat Kolej Kediaman dengan ketetapan berikut:
  - a. Menghadkan jumlah pelajar pada satu-satu masa mengikut kapasiti dan ruang pejabat.
  - b. Pelajar hendaklah memakai *face mask* ketika berurusan.
  - c. Pelajar hendaklah merekodkan kehadiran di Pejabat kolej Kediaman.
  - d. Pelajar hendaklah segera meninggalkan pejabat setelah selesai urusan.

#### **5.0 TATACARA PENGGUNAAN RUANG-RUANG TERTUTUP**

- 5.1 Penggunaan ruang-ruang tertutup seperti Bilik Aktiviti dan Bilik Menonton, adalah tidak digalakkan. Penggunaan adalah terhad dan perlu mengikut kapasiti dan ruang bilik.
- 5.2 Penggunaan ruang tersebut adalah dengan kebenaran dan pemantauan Pengetua Kolej Kediaman masing-masing.
- 5.3 Tempahan penggunaan ruang tersebut oleh pihak luar adalah tidak dibenarkan.

#### **6.0 TATACARA PENGGUNAAN LIF**

- 6.1 Penggunaan lif hanya dihadkan kepada had maksimum empat (4) orang pada satu-satu masa bagi mengamalkan penjarakan sosial.

- 6.2 Elakkan kontak rapat (*direct contact*) dengan permukaan pada lif seperti bersandar atau memegang susur tangan (*railing*)
- 6.3 Basuh tangan menggunakan sabun selepas menggunakan lif atau menggunakan *hand sanitizer* secara kerap.
- 6.4 Pelajar perlu mematuhi penjarakan fizikal semasa menunggu lif dengan beratur mengikut tanda jarak garisan satu (1) yang disediakan di ruang menunggu lif.

## **7.0 TATACARA PENGGUNAAN BILIK DOBI**

- 7.1 Penggunaan mesin basuh bilik dobi adalah dibenarkan
- 7.2 Tidak dibenarkan menunggu di dalam ruang Bilik Dobi
- 7.3 Bersegera mengeluarkan pakaian setelah selesai cucian
- 7.4 Basuh tangan menggunakan sabun atau *hand sanitizer* setelah selesai menggunakan mesin basuh

## **8.0 TATACARA PENGGUNAAN KAFETARIA DAN KIOSK**

- 8.1 Pelajar dikehendaki untuk mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) yang berkuat kuasa di UTeM berkaitan Garis Panduan Kafetaria.

## **9.0 TATACARA PENGGUNAAN SURAU**

- 9.1 Pelajar dikehendaki untuk merujuk dan mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) yang berkuatkuasa di UTeM berkaitan Garis Panduan Pengimarahkan Masjid Dan Surau Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka

## **10.0 TATACARA PENGGUNAAN KEMUDAHAN SUKAN**

10.1 Pelajar dikehendaki untuk mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) yang berkuatkuasa di UTeM berkaitan Garis Panduan Aktiviti Sukan.

## **11.0 PERATURAN BERKAITAN TINGGAL DI KOLEJ KEDIAMAN SEPANJANG TEMPOH PASCA PKP**

11.1 Pelajar dikehendaki untuk mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) yang berkuat kuasa di UTeM berkaitan

- a. Peraturan dan Tatatertib Kolej Kediaman [https://hep.utem.edu.my/images/Tatatertib\\_Peraturan/PERATURAN--DAN-TATATERTIB-KOLEJ-KEDIAMAN-UTeM-Pindaan-2018.pdf](https://hep.utem.edu.my/images/Tatatertib_Peraturan/PERATURAN--DAN-TATATERTIB-KOLEJ-KEDIAMAN-UTeM-Pindaan-2018.pdf)
- b. Garis Panduan Pergerakan Pelajar Yang Berada Di Kolej Kediaman Keluar Dan Masuk Kampus UTeM Selaras Dengan Pasca Kawalan Pergerakan

## **12.0 MAKLUMAT RUJUKAN**

12.1 Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada sebarang perubahan dari pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan UTeM.

12.2 Sebarang pertanyaan hendaklah merujuk kepada senarai pengetua di bawah:

<b>PENGETUA KOLEJ KEDIAMAN/ PEGAWAI HEP</b>	<b>NAMA</b>	<b>NO.TELEFON</b>
Lestari	Ts. Dr.Kamarul bin Amir Mohamed	019-6542028 <a href="mailto:kamarulamir@utem.edu.my">kamarulamir@utem.edu.my</a>
Satria (Tuah)	Ts. Dr. Al Amin bin Hj Mohamed Sultan	013-6807786 <a href="mailto:alamin@utem.edu.my">alamin@utem.edu.my</a>
Satria (Jebat)	Profesor Madya Dr. Muhammad Hafidz Fazli bin Md Fauadi	019-2265389 <a href="mailto:hafidz@utem.edu.my">hafidz@utem.edu.my</a>
Satria (Lekir)	Dr. Norun Najjah binti Ahmat	011-33852713 <a href="mailto:najjah@utem.edu.my">najjah@utem.edu.my</a>
Satria (Lekiu)	Puan Wan Haszerila binti Wan Hassan	019-3386320 <a href="mailto:haszerila@utem.edu.my">haszerila@utem.edu.my</a>
Satria (Kasturi)	Puan Anisah binti Kasim	016-4454543 <a href="mailto:anisah@utem.edu.my">anisah@utem.edu.my</a>
Kediaman Luar	Ts. Mohd Hairizal bin Osman	019-2649671 <a href="mailto:hairizal@utem.edu.my">hairizal@utem.edu.my</a>
Pejabat HEP	Encik Azhar bin Mohd Salleh	06-2701923 <a href="mailto:azhar@utem.edu.my">azhar@utem.edu.my</a>
Pejabat HEP	Puan Mazne binti Ja'ffar	06-2701388 <a href="mailto:mazne@utem.edu.my">mazne@utem.edu.my</a>

12.3 Pertanyaan juga boleh dibuat melalui talian hotline UTeM 06 2702890

Disediakan oleh :

Pejabat Timbalan Hal Ehwal Pelajar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

12 April 2021